PRO-NET Memperluas Jaringan Proton e.MAS dengan Membuka Peluang Kepada Syarikat Pengedar

SUBANG JAYA, 8 Julai 2024 – Pengeluar kereta nasional PROTON telah mengumumkan pelantikan 17 pengedar rasmi Proton e.MAS yang pertama di dalam majlis menandatangani perjanjian semasa pelancaran jenama Proton e.MAS pada 12 Jun dan sehingga kini jumlah tersebut telah bertambah kepada 18 pengedar di seluruh Malaysia. Pengembangan portfolio ini menandakan pencapaian yang signifikan dalam memperluas rangkaian pengedar Proton e.MAS yang diuruskan oleh PRO-NET bagi mengajak lebih ramai rakan kongsi untuk menyertai Proton dalam menjadikan kenderaan elektrik lebih mudah diakses oleh seluruh rakyat Malaysia.

Penubuhan 18 cawangan Proton e.Mas yang diwakili oleh 16 pengedar, menunjukkan langkah penting dalam menerajui pengembangan rangkaian yang besar dan meluas. Tujuh belas daripada cawangan ini ditempatkan secara strategik di seluruh Semenanjung Malaysia: 3 di Kuala Lumpur, 4 di Selangor, 2 di Johor, 3 di Perak, 2 di Pulau Pinang, 1 di Kedah, 1 di Kelantan, dan 1 di Pahang. Satu cawangan di Malaysia Timur iaitu terletak di Sabah. Pengembangan strategik ini menegaskan komitmen PRO-NET untuk menyediakan rangkaian yang mudah diakses dan sokongan menyeluruh kepada para pelanggan di seluruh negara demi melangkah ke mobiliti masa hadapan dan lestari bersama Proton e.MAS.

Cawangan-cawangan ini beroperasi di bawah model rangkaian komprehensif, dari pusat 1S hingga ke pusat 3S untuk memastikan para pelanggan menerima perkhidmatan yang menyeluruh dari setiap aspek. Pembangunan ini menunjukkan dedikasi PRO-NET untuk memulakan ekosistem yang serba lengkap dan komprehensif dalam memastikan kesiapsediaan kepada bakal pemilik Proton e.MAS. Rakan kongsi PRO-NET juga penting dalam menyediakan ruang komuniti untuk pengalaman yang luar biasa, platform digital yang lancar, perkhidmatan selepas jualan, dan pilihan pengecasan. PRO-NET ingin menyasarkan untuk mencapai 30 cawangan pengedar menjelang 2025, dengan plan pembesaran yang fleksibel berdasarkan permintaan yang tinggi.

“Dengan penambahan rangkaian pengedar Proton e.MAS ini, PRO-NET berhasrat untuk memimpin industri kereta nasional dalam memanfaatkan perubahan kepada kenderaan elektrik untuk membina masa depan yang lebih lestari. Pengedar kami bukan sekadar untuk menjual kenderaan malahan menyediakan pusat inovasi dan pembelajaran yang bertujuan untuk mendidik dan memberi inspirasi kepada pengguna. Inisiatif ini menunjukkan komitmen kami untuk membina kepercayaan yang lebih kukuh di kalangan para pelanggan dan kami bertekad untuk menjadi peneraju bagi segmen kereta nasional dalam sektor EV,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Berminat untuk Menjadi Pengedar Proton e.MAS?
Dengan perkembangan revolusi kenderaan elektrik (EV), misi PRO-NET untuk mempromosikan penggunaan EV untuk menyediakan laluan kerjaya bagi individu yang berminat dengan mobiliti lestari.

PRO-NET mencari rakan kongsi yang berminat dan komited dalam menyertai rangkaian pengedar Proton e.MAS yang terletak di kawasan-kawasan ini: Alor Setar, Kuala Terengganu, Selangor, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Kuching, Sibu, Bintulu, Miri, Sandakan, dan Tawau. Jika anda berminat menjadi sebhagaian daripada perjalanan kami menuju masa depan yang lestari,

Emel kepada kami di Zhaole@proton.com / affendyk@proton.com

Ikuti akaun media sosial rasmi Proton e.MAS di bawah nama pengguna “Proton e.MAS Cars” untuk Facebook dan Xiaohongshu, “@protonemasofficial” untuk Instagram dan TikTok untuk terus mendapatkan berita dan maklumat lanjut dari Proton e.MAS. Sertai kami dan menjadi sebahagian daripada revolusi dalam insudtri Automotif!

-Tamat-

Proton New Energy Technology Sdn Bhd 202201030092 (1475789-X)
Centre of Excellence, KM 33.8 Westbound Shah Alam Expressway
47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mengenai Proton New Energy Technology Sdn Bhd
Ditubuhkan pada 16 Ogos 2022, syarikat ini adalah anak syarikat milik Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd. Syarikat ini adalah pengedar eksklusif kenderaan Proton e.MAS di Malaysia, serta jenama smart untuk Malaysia dan Thailand. Misi PRO-NET adalah untuk menjadi peneraju dalam ekosistem tenaga baru untuk penyelesaian automotif.

Skop perniagaan syarikat ini merangkumi pengedaran Kenderaan Tenaga Baru (NEV), penyediaan penyelesaian pengecasan EV, pembekalan alat elektronik dan penyelesaian mobiliti, penjualan aksesori dan barangan, serta perkhidmatan pemantauan data kepada pelanggan. Proton e.MAS merangkumi 17 pusat pengedar, dan smart merangkumi 13 pusat pengedar di seluruh negara.

smart #1 membuat penampilan sulung pada 23 November 2023, dan jenama Proton e.MAS dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS
Facebook: https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/
Instagram: https://www.instagram.com/protonemasofficial/
TikTok: https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/

smart Malaysia
Facebook: https://www.facebook.com/profile.php?id=100086465554162
Instagram: https://www.instagram.com/smart.malaysia/
TikTok: https://www.tiktok.com/@smartmalaysia

Issued by:
smart Malaysia I PRO-NET
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-2194581
Email: salawati@proton.com

Chongreena Cirikwong
Assistant Manager, Public Relations & Branding
Telephone: +60123017258
Email: reenacw@proton.com